BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

# PROCEDURES AND GUIDELINES FOR ASSESSMENT OF MUTILATED NOTES AND DEFACED NOTES

## 1. MUTILATED NOTES

Notes which have been damaged or the appearance of which have become changed, by accidental contact with water, oil, paint, ink or similar substance or by a portion or portions having become missing : provided that such portion or portions as may be presented may be established beyond all reasonable doubt to have been originally a portion or portions of a single currency note.

**There are three categories of redemption value of a mutilated note as follows :-**

(i) **Full value** should be awarded to any piece of note which is more than two-thirds (2/3) in size of the original note or;

(ii) **Half value** should be awarded to any piece of note which is more than half (1/2) but less than two-thirds (2/3) in size of the original note or;

(iii) **No value** should be awarded to any piece of note which is less than half (1/2) in size of the original note.

## 2. DEFACED NOTES

Notes that contain words, signs, symbols, drawing, caricatures which are either written or inscribed on its surface deliberately.

(i) **Full value** should be awarded to any piece of note which has **minor** defacings.

(ii) **No value** should be awarded to any piece of note which is defaced in any significant way (that is, markings done on the portrait of the Yang DiPertuan Agong, writings depicting political slogans or using the note as an invitation card/writing pad).

3. **DOUBTFUL CASES**

**Any doubtful** cases where an assessment is difficult to make due to poor condition of the note (e.g. a piece of badly burnt note or damaged note where the size of the note is difficult to determine) should be referred to Bank Negara Malaysia for assessment.

Jabatan Pengurusan dan Operasi Matawang
Bank Negara Malaysia

**PROSEDUR DAN GARIS PANDUAN PENILAIAN WANG KERTAS CACAT ATAU ROSAK**

1. **WANG KERTAS CACAT**

Wang kertas yang keadaan fizikalnya telah berubah, sama ada secara tidak sengaja dicemari dengan air, minyak, cat, dakwat atau bahan yang serupa atau kehilangan sebahagian atau beberapa bahagian daripadanya. Ini tertakluk kepada bahagian atau bahagian-bahagian yang dikemukakan itu dapat dibuktikan tanpa sebarang keraguan yang munasabah bahawa bahagian atau bahagian-bahagian yang dikemukakan itu adalah pada asalnya sebahagian atau beberapa bahagian daripada satu helai wang kertas yang tunggal.

**Terdapat tiga kategori nilai penebusan bagi wang kertas cacat seperti yang berikut :**

(i) **Nilai penuh** hendaklah diberikan bagi sebarang keping wang kertas yang melebihi dua pertiga (2/3) daripada saiz wang kertas yang asal atau;

(ii) **Nilai separuh** hendaklah diberikan bagi sebarang keping wang kertas yang melebihi setengah (1/2) tetapi kurang dua pertiga (2/3) daripada saiz wang kertas yang asal atau;

(iii) **Tiada nilai** bagi sebarang keping wang kertas yang kurang setengah (1/2) daripada wang kertas yang asal.

## 2. **WANG KERTAS ROSAK**

Wang kertas yang terdapat padanya perkataan, tanda-tanda, simbol, lukisan, karikatur sama ada ditulis atau ditanda di atas permukaannya secara sengaja.

(i) **Nilai penuh** hendaklah diberikan bagi sebarang keping wang kertas yang mempunyai kerosakan **kecil**.

(ii) **Tiada nilai** bagi sebarang keping wang kertas yang rosak dengan sebarang cara yang nyata (iaitu, tanda yang dibuat di atas potret Yang DiPertuan Agong, tulisan yang menggambarkan slogan politik atau menggunakan wang kertas itu sebagai kad jemputan/pad tulis).

## 3. **KES-KES YANG MERAGUKAN**

**Sebarang kes yang meragukan** yang menyukarkan penilaian dibuat disebabkan wang kertas itu dalam keadaan yang sudah rosak (sebagai contoh, satu helai wang kertas yang terbakar dengan teruk atau kerosakan pada wang kertas yang sukar menentukan saiznya) hendaklah dirujuk pada Bank Negara Malaysia untuk penilaian.

Jabatan Pengurusan dan Operasi Matawang
Bank Negara Malaysia